

# Perspektif

## Syarahan Umum Profesor UniMAP

Dua syarahan umum profesor telah diadakan pada 8 April 2008 dan 16 Julai 2008 di Dewan Kapitol UniMAP. Program ini dianjurkan oleh Unit Pembangunan Lestari bersama Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan serta Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. Syarahan umum profesor kali ini menampilkan dua orang tokoh profesor yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang kimia dan robotik. Dua profesor berkenaan ialah Profesor. Dr. Mohd Noor Ahmad, Pensyarah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Profesor Dr. Ramachandran Nagarajan, Pensyarah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik.

Profesor Dr. Mohd Noor, telah dilantik sebagai Profesor pada Mei 2004, dan merupakan graduan dari Universitas Gajah Mada, Indonesia dalam bidang Kimia Fizik pada 1972. Beliau kemudiannya telah menyambung pengajian Sarjana beliau di Newcastle Upon Tyne dan Doktor Falsafah dalam bidang Kimia di United Kingdom. Beliau juga telah menulis 50 artikel dalam jurnal dan 70 kertas kerja persidangan yang berkaitan kepakaran beliau di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Dalam syarahannya pada 8 April 2008, beliau telah memilih "Biomimetic Sensor for Quality Control and Standardization of Herbs" sebagai tajuk syarahan beliau. Menurut beliau kawalan mutu dan piawaian fitoperubatan berhadapan dengan cabaran besar kerana campuran herba yang amat kompleks. Malah, bahan semulajadi juga memberi variasi yang signifikan terhadap kualiti dan kuantiti zat fitokimia. Kaedah analisis cap jari yang digunakan kini untuk kawalan mutu dan pemiawaian formula fitoperubatan adalah berdasarkan teknik pemisahan kromatografi. Dalam syarahannya Profesor Dr. Mohd Noor menjelaskan kaedah inovatif tanpa kaedah pemisahan yang menggunakan sensor-sensor yang difabrikasi dan dibangunkan secara in house bagi profil kualitatif dan kuantitatif herba.

Manakala Profesor Dr. Ramachandran Nagarajan pula menyampaikan syarahannya yang bertajuk "Helping the Visually Impaired For Their Autonomous Navigation" pada 16 Julai 2008 yang lalu. Beliau yang pernah mengajar dan menjadi penyelidik di beberapa universiti di India, United Kingdom, Iraq, Malaysia dan juga Jepun mempunyai pengalaman luas dalam bidang robotik dan pengimejan stereo. Profesor Dr. Nagarajan telah mula berkhidmat di UniMAP pada tahun 2005 sebagai Profesor di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik di UniMAP. Dalam syarahannya beliau menjelaskan teknik pemrosesan imej dan penukaran imej kepada bunyi. Teknik pemindahan stereo-bergambar kepada stereo-bunyi dapat membantu golongan cacat penglihatan atau buta menghindari dan mengesan objek ketika berjalan. Menurut beliau, melalui kaedah ini, stereo-bergambar akan ditukarkan kepada reka bentuk khas yang mengesan corak bunyi. Bunyi tersebut akan membekalkan maklumat dan gambaran visual tentang adanya objek di hadapan dari segi bentuk dan saiz objek.

